

7 MAC 2023

PROGRAM LAWATAN KERJA PASUKAN PELAKSANA PROJEK PEMBINAAN BALAI CERAP INSTUN KE BALAI CERAP SELANGOR KHUSUS BAGI MEMBINCANGKAN SUSUNATUR HIASAN DALAMAN

Lawatan Kerja ke Balai Cerap Selangor yang diketuai oleh Sr Fauzani bt Azam bersama Sr Hj. Mohd. Issa bin Hj. Abdul Hai, Sr Zakaria bin Abdullah, Sr Nor Fariza bt. Zainal, Encik Harun Amin AlRasyid bin Marabi dan Encik 'Abduh bin Jailani yang merupakan Ahli Pasukan Pelaksana Projek Pembinaan Balai Cerap INSTUN telah dijalankan pada Hari Selasa, 7 Mac 2023.

Balai Cerap Selangor merupakan satu kemudahan yang disediakan oleh Jabatan Mufti Negeri Selangor untuk mengkaji dan meneroka kejadian serta rahsia alam cakerawala. Kedudukan Balai Cerap Selangor yang terletak di Sungai Lang, Parit Baru, Sungai Air Tawar, Selangor adalah amat strategik kerana jauh dari kawasan bandar dan perindustrian. Jarak Balai Cerap Selangor ini dari pekan terdekat iaitu Sabak Bernam adalah lebih kurang 20km.

Pasukan Pelaksana Projek Pembinaan Balai Cerap INSTUN telah memohon kebenaran bagi mengambil gambar-gambar dan membuat rakaman video khususnya di Galeri Balai Cerap Selangor untuk dijadikan rujukan kepada hiasan dalaman yang akan dijalankan di Balai Cerap INSTUN yang dijangka siap pada 6 Mei 2023.

Disamping itu juga, Pasukan Pelaksana Projek turut dapat melihat sendiri prasarana yang terdapat di Balai Cerap Selangor seperti Kubah cerapan, ruang pejabat, ruang pameran (Galeri) ruang taklimat, dewan solat dan ruang cerapan.

Jelas sekali lawatan ini telah memberikan inspirasi kepada Pasukan Pelaksana Projek Pembinaan Balai Cerap INSTUN khususnya apabila melawat ruang pameran Balai Cerap Selangor yang begitu menarik dengan susunan bahan-bahan pameran yang sarat dengan maklumat ilmiah mengenai Ilmu Falak dan Astronomi.

Sekalung penghargaan dengan ucapan ribuan terima kasih daripada pihak Pasukan Pelaksana Projek Pembinaan Balai Cerap INSTUN kepada pihak pengurusan Balai Cerap Selangor khususnya kepada Encik Nizam, Encik Ismail dan Puan Akmar diatas kesudian menerima kunjungan kami dan diatas kerjasama memberikan maklumat yang diperlukan khususnya yang berkaitan dengan Galeri Balai Cerap Selangor serta diatas layanan mesra yang begitu baik keatas lawatan kami di Balai Cerap Selangor.





